

Elite Takafulink

**Nikmati detik indah bersama keluarga dan kemampuan untuk melindungi mereka.**



## Perlindungan yang memberikan anda masa untuk bersama keluarga anda dan simpanan untuk masa depan mereka.

Tiada yang lebih berharga daripada mereka yang anda dikasihi. Itulah sebabnya anda menghargai setiap saat yang diluangkan, dan berusaha demi keluarga anda seberapa boleh yang mungkin.

Elite Takafulink membolehkan anda mengumpul simpanan sambil menikmati detik-detik terindah bersama keluarga, pada masa yang sama memastikan mereka sentiasa dilindungi. Elite Takafulink adalah pelan yang memberikan anda rider perlindungan fleksibel serta peluang pelaburan dengan potensi pulangan yang tinggi.

Melalui ciri-ciri takaful berkaitan pelaburan, anda mempunyai pilihan untuk melabur di dalam mana-mana satu dana yang disediakan yang sesuai dengan objektif pelaburan serta tahap risiko anda. Selain itu, anda akan menerima perlindungan asas seperti perlindungan kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (HUMK) dan pilihan rider perlindungan yang komprehensif.

Elite Takafulink merupakan pelan sumbangan tetap takaful berkaitan pelaburan yang bukan sahaja menawarkan perlindungan kematian dan HUMK, ia juga menawarkan elemen pelaburan untuk anda. Untuk perlindungan yang lebih menyeluruh, anda juga boleh memilih untuk mengambil rider pilihan yang sesuai dengan gaya hidup anda.



## Asas Kontrak

Pelan ini berasaskan konsep Wakalah, di mana peserta melantik Etiqa Takaful sebagai Pengendali Takaful bagi mewakili pihak peserta untuk membuat pelaburan dan menguruskan Dana Pelaburan Peserta (DPP) dan Dana Tabarru'. Sumbangan yang dibayar bagi pelan ini akan diperuntukkan ke dalam DPP selepas potongan Fi Wakalah, iaitu fi pendahuluan yang dipotong daripada sumbangan yang dibayar. Sumbangan yang diperuntukkan akan digunakan untuk membeli unit-unit daripada dana yang anda pilih.

Pelan ini juga berdasarkan konsep Tabarru', di mana peserta bersetuju menyumbang atau menderma jumlah tertentu ke dalam Dana Tabarru' bagi tujuan membantu antara satu sama lain pada saat yang memerlukan. Caj Tabarru' akan ditolak secara bulanan daripada DPP dan disalurkan ke Dana Tabarru'. Jika Dana Tabarru' tidak mencukupi untuk membayar manfaat takaful, Pengendali Takaful akan menampung kekurangan itu dengan memberi pinjaman tanpa faedah (Qard Hasan) dan amaun ini akan dibayar semula kepada Pengendali Takaful tanpa sebarang faedah daripada lebih Dana Tabarru'. Kami berhak menerima 50% daripada lebih pengunderaitan bersih yang diagihkan untuk tahun kewangan itu daripada Dana Tabarru' sebagai Fi Prestasi kerana bertanggungjawab dalam mengendalikan dan menguruskan Dana Tabarru'. Baki 50% daripada lebih akan diagihkan kepada peserta.

## Manfaat Utama

### **Perlindungan Asas: Kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal**

Sekiranya berlaku kematian kepada orang yang dilindungi, jumlah asas dilindungi berserta nilai akaun (termasuk lebihan) ditolak sebarang hutang akan dibayar secara sekaligus.

Sekiranya berlaku HUMK (sebelum mencapai umur 65 tahun pada hari lahir berikutnya), nilai akaun akan dibayar secara sekaligus, tanpa mengira nilai akaun. Sekiranya jumlah asas yang dilindungi yang perlu dijelaskan (bagi setiap hayat) adalah sama atau kurang daripada RM1 juta, ia akan dibayar secara sekaligus. Sekiranya jumlah yang dilindungi melebihi RM1 juta, maka bakinya akan dibayar satu (1) tahun selepas ansuran pertama dibuat tertakluk kepada had maksimum Pengendali Takaful bagi setiap had individu.

Jika orang yang dilindungi meninggal dunia sebelum umur 5 tahun pada hari lahir berikutnya, kami akan membayar penuh jumlah agregat yang dilindungi jika jumlah itu tidak melebihi RM200,000. Jika jumlah agregat dilindungi melebihi RM200,000, maka kami akan membayar bakinya menurut jadual seperti berikut:

Umur pada Hari Lahir Berikutnya	Peratusan Jumlah Agregat yang Dilindungi
1	20%
2	40%
3	60%
4	80%
5 dan ke atas	100%

Had ini adalah tertakluk untuk pembayaran jumlah yang dilindungi dan tidak menjejaskan apa-apa pembayaran pada nilai akaun yang ditentukan pada penilaian seterusnya.

### **Bonus Kesetiaan**

Ganjaran sebanyak 6% daripada nilai akaun atau 3% daripada sumbangan tahunan asal, selain daripada sumbangan Rider Elite Takaful Tambah Nilai Simpanan (mana yang terendah) akan diberi kepada anda pada hujung tahun sijil yang ke-5, ke-10 dan ke-15 kerana mengekalkan pelan dan membayar sumbangan tepat pada masanya.

### **Tempoh Peruntukan Tidak Luput**

Kami menawarkan Tempoh Peruntukan Tidak Luput dalam 3 tahun sijil pertama untuk memastikan status sijil tetap berkuatkuasa walaupun nilai akaun berada pada kadar sifar, dengan syarat sumbangan dibayar tepat pada masanya tanpa cuti sumbangan dan tiada pengeluaran daripada nilai akaun dibuat dalam tempoh tersebut.

Dalam Tempoh Peruntukan Tidak Luput, caj-caj sijil akan terus ditolak daripada nilai akaun. Jika nilai akaun tidak mencukupi, sebarang kekurangan perlu dibayar balik oleh sumbangan akan datang.

### **Fleksibiliti dan Kawalan Pelan Anda**

#### **Pilihan Pengeluaran**

Anda boleh membuat pengeluaran daripada akaun anda pada bila-bila masa, tertakluk kepada pengeluaran minima RM500 sekaligus dengan baki akaun sekurang-kurangnya RM1,000 tanpa sebarang caj tambahan.

#### **Pilihan Tambah Nilai**

Maksimakan potensi pelaburan anda dengan membuat penambahan deposit sumbangan menerusi kemudahan tambah nilai pelaburan. Anda mempunyai fleksibiliti untuk menambah nilai pelaburan sekaligus, ataupun memohon bayaran ansuran secara tetap yang dibuat pada ulang tahun sijil. Dengan Rider Elite Takaful Tambah Nilai Simpanan, 95% daripada sumbangan rider akan dilaburkan ke dalam dana-dana pilihan anda demi meningkatkan simpanan anda.

## Fleksibiliti untuk Mengubah Jumlah Dilindungi dan Jumlah Sumbangan

Anda boleh memilih untuk mempelbagaikan jumlah yang dilindungi atau sumbangan berkala mengikut keperluan anda pada peringkat hidup yang berbeza. Pilihan ini boleh dilakukan pada tarikh ulang tahun sijil anda.

Anda boleh memilih untuk menambah jumlah yang dilindungi pada ulang tahun sijil anda sehingga ke had maksimum yang dibenarkan sebelum ulang tahun sijil yang paling hampir dengan umur 65 tahun hari lahir yang berikutnya dan tertakluk pada pengunderaitan. Anda juga boleh mengurangkan jumlah yang dilindungi dengan syarat ia tidak kurang daripada amaun minimum jumlah yang dilindungi yang dibenarkan untuk jumlah sumbangan yang dipilih. Jumlah minimum untuk menambah atau mengurangkan jumlah yang dilindungi adalah RM5,000, dalam gandaan RM1,000 dan tertakluk kepada jumlah yang dilindungi minimum sebanyak RM5,000.

Anda juga boleh mempunyai fleksibiliti untuk menambah atau mengurangkan sumbangan tetap pada ulang tahun sijil anda. Sekiranya anda memilih untuk menambah sumbangan tetap anda, jumlah minimum yang dibenarkan adalah RM50, untuk semua kekerapan pembayaran. Sekiranya anda memilih untuk mengurangkan sumbangan anda, sumbangan tahunan yang dikurangkan tidak boleh kurang daripada sumbangan minimum, iaitu RM1,200.

Nota: **Pilihan Pengeluaran** dan **Mengurangkan Sumbangan** adalah dibenarkan selagi terdapat unit-unit yang mencukupi di dalam sijil untuk menampung pemotongan caj-caj. Di bawah pilihan-pilihan ini, sijil berkemungkinan tamat awal disebabkan kehabisan unit.

### Manfaat Matang

Apabila mencapai tempoh matang sijil oleh orang yang dilindungi yang masih hidup, jumlah nilai akaun akan dibayar selepas ditolak segala hutang.

### Manfaat Penyerahan

Anda boleh menyerahkan sijil pada bila-bila masa. Semasa penyerahan sijil, nilai unit yang dibatalkan merupakan Nilai Aset Bersih (NAB) yang akan ditentukan pada penilaian berikutnya selepas permintaan penyerahan bertulis anda telah diterima dan diluluskan oleh kami, akan dibayar.

### Kelayakan

Orang yang Dilindungi	Umur min. penyertaan: 14 hari (UHLB) Umur maks. penyertaan: 65 tahun (UHLB) Sijil luput pada umur 88 tahun orang yang dilindungi (UHLB), tertakluk kepada Nilai Akaun yang mencukupi untuk mengekalkan Sijil.
Peserta	Umur min. penyertaan: 17 tahun (UHLB)

UHLB = Umur Hari Lahir yang Berikutnya

## Dana Etiqa Takaful

Anda boleh memilih untuk melabur sama ada dalam 1 dana dengan peruntukan 100% atau kombinasi dana-dana seperti berikut ini:

Dana-Dana	Butiran Dana
Dana Syariah Seimbang	Dana ini akan melabur sekurang-kurangnya 15% dalam ekuiti patuh Syariah yang tersenarai di Bursa Malaysia dan sekurang-kurangnya 25% dalam sekuriti pendapatan tetap patuh Syariah, dan apa-apa baki dana akan dilaburkan dalam tunai dan simpanan tetap. Campuran ekuiti, sekuriti pendapatan tetap, tunai dan simpanan tetap ditentukan berdasarkan jangkaan pengurus dana terhadap pulangan setiap kelas aset. Jangkaan ini adalah berdasarkan analisis ekonomi, kadar faedah, dan turun naik dalam pasaran ekuiti. Ekuiti individu dipilih berdasarkan pandangan pengurus dana ke atas mana-mana ekuiti yang boleh mengatasi indeks, dan juga berdasarkan kepada analisis kualiti pengurusan, potensi pertumbuhan pendapatan dan kedudukan pasaran syarikat yang mendasarinya. Sekuriti pendapatan tetap, dengan penarafan kredit purata keseluruhan A tunggal atau lebih baik, dipilih berdasarkan jangkamasa belum tamat untuk sekuriti individu tersebut, dan pandangan terhadap pergerakan kadar faedah. Pendekatan pelaburan ini adalah aktif.
Dana Pendapatan Prima Takaful	Dana ini akan melabur sekurang-kurangnya 80% daripada dana dalam sekuriti pendapatan tetap patuh Syariah dan apa-apa baki dana dalam tunai dan simpanan tetap. Sekuriti pendapatan tetap, dengan penarafan kredit purata keseluruhan sebagai A tunggal atau lebih baik, dipilih berdasarkan jangkamasa belum tamat sekuriti individu tersebut, dan pandangan terhadap pergerakan kadar faedah. Pendekatan pelaburan ini adalah aktif.
Dana Ekuiti Prima Takaful	Dana ini akan melabur sekurang-kurangnya 80% dalam ekuiti patuh Syariah yang tersenarai di Bursa Malaysia dan apa-apa baki dana dalam tunai dan simpanan tetap. Ekuiti individu dipilih berdasarkan pandangan pengurus dana ke atas mana-mana ekuiti yang boleh mengatasi indeks, dan juga berdasarkan analisis kualiti pengurusan, potensi pertumbuhan pendapatan dan kedudukan pasaran syarikat yang mendasarinya. Pendekatan pelaburan ini adalah aktif.

Anda boleh memilih kombinasi dana di mana peruntukan dibahagi antara dana-dana dengan minima 10% dan gandaan 1%. Jumlah peruntukan bagi semua dana mesti 100%.

Anda mempunyai fleksibiliti untuk membuat pertukaran dana mengikut keperluan semasa anda pada setiap peringkat kehidupan anda. Dengan 4 pertukaran percuma yang dibenarkan pada setiap tahun sijil, tertakluk kepada terma dan syarat, anda mempunyai peluang untuk mencapai pulangan yang lebih tinggi dengan melabur dalam pelbagai dana berdasarkan tahap risiko dan impian pelaburan anda.

Anda juga mempunyai fleksibiliti bagi menukar dana pada bila-bila masa untuk mengambil kesempatan daripada pelbagai peluang yang ada dalam pasaran pelaburan.

## Peruntukan Sumbangan

Anda boleh mendaftar untuk pelan Elite Takafulink dengan sumbangan minimum sebanyak RM100 setiap bulan. Anda akan menerima perlindungan takaful dan peruntukan pelaburan yang akan meningkat dari semasa ke semasa sehingga 100%.

Peruntukan sumbangan akan digunakan untuk membeli unit-unit dana takaful berkaitan pelaburan pilihan anda kepada unit pelaburan selepas ditolak Fi Wakalah. Fi Wakalah adalah sumbangan yang tidak diperuntukkan yang merangkumi komisen wakil dan perbelanjaan berkaitan pengagihan. Peruntukan sumbangan adalah seperti berikut:

Tahun Sijil	Kadar Sumbangan Yang Diperuntukan (% daripada Sumbangan)	Fi Wakalah (% daripada Sumbangan)
1	40%	60%
2	40%	60%
3	50%	50%
4	70%	30%
5	85%	15%
6	85%	15%
7 dan berikutnya	100%	0%

Fi Wakalah untuk sumbangan tambah nilai ialah 5%.

## Fi dan Caj-caj

- Fi Pengurusan Dana Pelaburan (% NAB) adalah seperti berikut:

Dana Syariah Seimbang	1.20%
Dana Pendapatan Prima Takaful	1.00%
Dana Ekuiti Prima Takaful	1.50%

Fi pengurusan dana akan ditolak pada setiap penilaian dalam harga unit dan dipaparkan dalam harga unit.

- Caj Pentadbiran berjumlah RM6.36 akan ditolak secara bulanan dengan menolak unit-unit daripada akaun anda.
- 4 pertukaran dana percuma pada setiap tahun sijil. Sebarang pertukaran yang berikutnya dalam tahun sijil yang sama akan dikenakan fi sebanyak RM26.50 bagi setiap pertukaran.
- Caj Tabarru' yang akan berubah mengikut umur, jantina, pekerjaan dan kesihatan anda akan dikenakan levi pada setiap bulan untuk pelan ini dan ridernya (jika ada). Ia akan ditolak melalui pembatalan unit daripada akaun anda.

## Pengecualian

Untuk memastikan manfaat sentiasa mampu dimiliki, tiada pembayaran akan diberikan di bawah pelbagai komponen pelan, atas sebab-sebab berikut:

Sebab	Manfaat kematian	Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal
Bunuh diri dalam tempoh satu tahun dari pengeluaran pelan	x	
Percubaan bunuh diri		x
Penglibatan di dalam sebarang aktiviti jenayah atau melanggar undang-undang, mogok, rusuhan atau kekacauan umum		x
Penglibatan di dalam sebarang aktiviti dan sukan berbahaya, atau penerbangan bukan komersil		x
Pengambilan alkohol atau dadah		x
Kecederaan akibat provokasi keganasan fizikal		x
Penyedutan racun, gas atau wasap		x
Kecederaan yang disengajakan oleh diri sendiri, kegagalan untuk mematuhi nasihat perubatan, atau penangguhan yang tidak munasabah dalam mendapatkan rawatan perubatan		x

Nota :

1. Jika orang yang dilindungi membunuh diri ketika siuman:

- Dalam masa 1 tahun dari tarikh dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula yang terbaru sijil ini, kami akan membayar jumlah nilai akaun pada penilaian berikutnya sejurus selepas pemberitahuan tuntutan.
- Selepas 1 tahun dari tarikh dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula yang terbaru sijil ini, Kami akan membayar 60% daripada jumlah yang dilindungi dan jumlah nilai akaun pada penilaian berikutnya sejurus selepas pemberitahuan tuntutan.

2. Jika orang yang dilindungi membunuh diri ketika tidak siuman, Kami akan membayar jumlah yang dilindungi sepenuhnya dan jumlah nilai akaun pada penilaian berikutnya sejurus selepas pemberitahuan tuntutan.



## Pendedahan Risiko

Setiap pelaburan mempunyai bentuk-bentuk risiko tertentu dan dana-dana takaful berkaitan pelaburan terdedah kepada pelbagai jenis risiko. Peserta harus bersedia untuk menerima tahap risiko tertentu apabila melaburkan wang mereka dan patut mempertimbangkan potensi risiko yang berikut apabila melabur dalam dana-dana takaful berkaitan pelaburan:

### 1. Risiko Pasaran

Nilai dana takaful berkaitan pelaburan boleh menurun dalam tempoh masa yang diberikan sebagai tindak balas kepada perubahan keadaan ekonomi atau peristiwa-peristiwa lain yang memberi kesan kepada sebahagian besar pasaran, termasuk peristiwa politik. Walau bagaimanapun, peruntukan aset yang efisien dan kepelbagaian aset boleh membantu melindungi dana-dana anda daripada risiko pasaran kerana setiap bahagian pasaran yang berbeza mempunyai kecenderungan yang berbeza-beza dalam menunjukkan prestasi pada bila-bila masa berhubung dengan kitaran ekonomi.

### 2. Risiko Inflasi (Risiko Kuasa Beli)

Kemungkinan nilai aset atau pendapatan akan berkurang apabila inflasi menyusutkan kuasa beli untuk mata wang tertentu. Inflasi menyebabkan nilai wang berkurang pada suatu kadar, sama ada wang tersebut dilaburkan atau tidak. Hal ini juga adalah benar apabila kadar inflasi mengatasi kadar pulangan yang dijana daripada semua pelaburan.

### 3. Risiko Kecairan

Risiko ini berpunca daripada berkurangnya kebolehpasaran pelaburan yang menyebabkan aset pelaburan tidak boleh dibeli atau dijual dengan segera untuk mengelak atau mengurangkan kerugian, yang menyebabkan peserta tidak dapat mengakses wangnya apabila diperlukan dengan segera atau tanpa kos.

### 4. Risiko Kadar Keuntungan / Pendapatan

Kemungkinan naik turun kadar keuntungan dalam pasaran boleh memberi kesan terhadap nilai dana-dana takaful berkaitan pelaburan, dan pendapatan berterusan daripada dana-dana tersebut. Penurunan dalam kadar keuntungan akan meningkatkan nilai dana-dana yang berkaitan dengan kadar keuntungan, tetapi akan menyebabkan pendapatan berterusan yang lebih rendah.

### 5. Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian prinsipal atau kerugian ganjaran kewangan akibat ketidakmampuan pihak peminjam / pelanggan untuk membayar balik pinjaman / pembiayaan atau memenuhi obligasi kontraktual.

### 6. Risiko Harga

Risiko nilai sesebuah sekuriti atau portfolio sekuriti itu boleh menurun di masa hadapan. Dalam kes ini, terdapat risiko harga bagi semua ekuiti yang tersenarai dalam FBM Top 100 (tidak termasuk Maybank dan subsidiarinya).

## 7. Pengelasan semula Risiko Status Syariah

Risiko ini merujuk kepada sekuriti patuh Syariah yang kini dipegang dalam portfolio dana-dana yang mematuhi Syariah boleh dikelaskan semula sebagai tidak patuh Syariah dalam semakan berkala sekuriti oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, penasihat Syariah atau Lembaga Syariah indeks Islam yang berkaitan atau penasihat Syariah lain yang berkaitan. Jika ini berlaku, nilai dana mungkin akan terjejas.


### Untuk Perhatian Anda

- 1. Pelan ini adalah pelan takaful yang berkait kepada prestasi aset-aset dasar, dan bukan merupakan produk pelaburan sepenuhnya seperti unit amanah atau deposit tetap.**
2. Maklumat yang terkandung dalam brosur ini boleh dipinda tanpa sebarang notis terlebih dahulu.
3. Brosur ini adalah ringkasan daripada terma dan syarat pelan ini. Brosur ini tidak boleh dianggap sebagai kontrak atau komitmen.
4. Sila minta ilustrasi pemasaran daripada Wakil Etiqa Takaful Keluarga anda sebelum menyertai pelan ini. Ilustrasi pemasaran mengandungi maklumat terperinci berkenaan terma dan syarat pelan ini. Sila semak ilustrasi pemasaran untuk mendapatkan kepastian bahawa manfaat-manfaat adalah sesuai dengan keperluan anda dan jumlah sumbangan yang perlu dibayar adalah mengikut kemampuan anda. Sila ambil perhatian bahawa kesemua caj untuk manfaat-manfaat pilihan (rider-rider), Tabarru' akan ditolak daripada unit-unit dana yang akan mengurangkan dana takaful berkaitan pelaburan. Anda juga perlu mengambil kira yuran dan caj yang terlibat.
5. Sekiranya permohonan anda terhadap pelan ini diluluskan oleh kami, sijil takaful akan dihantar untuk mengesahkan permulaan pelan. Sila rujuk dan baca sijil takaful untuk terma dan syarat penuh pelan ini. Sekiranya anda ingin membatalkan pelan ini, bagi apa jua alasan, sila maklumkan kepada kami secara bertulis dalam masa 15 hari selepas tarikh penerimaan sijil takaful dan kami akan membayar balik nilai unit-unit iaitu sebarang sumbangan yang dilaburkan dan sebarang caj-caj yang ditolak, setelah ditolak kos pemeriksaan perubatan (jika ada) yang ditanggung semasa membuat permohonan pelan ini.
6. Sila bayar sumbangan dalam tempoh tangguh selama 31 hari dari tarikh sumbangan tersebut perlu dibayar. Sumbangan yang perlu dibayar adalah tetap sepanjang tempoh pelan mengikut kekerapan pembayaran yang dipilih, seperti yang dinyatakan dalam sijil takaful. Kegagalan membayar sumbangan akan menamatkan kelayakan anda untuk menerima manfaat di bawah pelan ini. Tempoh perlindungan takaful juga tertakluk kepada nilai akaun yang mencukupi untuk mengekalkan sijil takaful.

7. Menyertai pelan takaful berkaitan pelaburan memerlukan komitmen jangka panjang kerana adalah tidak digalakkan untuk memegang sijil buat tempoh yang singkat memandangkan kos permulaannya yang tinggi. Jika anda membuat serahan pada tahun-tahun terawal, anda mungkin akan mendapat balik amaun yang kurang daripada amaun yang telah anda sumbangkan.
8. Pulangan daripada pelaburan anda adalah berdasarkan kepada prestasi sebenar dana dan adalah TIDAK DIJAMIN. Risiko pelaburan di bawah sijil takaful akan ditanggung sepenuhnya oleh peserta dan nilai akaun berkemungkinan akan kurang daripada jumlah sumbangan yang telah disumbangkan kepada dana pelaburan.
9. Kami mempunyai hak untuk meminda kadar, fi, caj-caj, manfaat, terma dan syarat di bawah sijil ini dengan memberi notis 3 bulan terlebih dahulu sebelum pindaan tersebut berkuat-kuasa kecuali manfaat perubatan di mana notis 30 hari sebelum pindaan tersebut berkuat kuasa akan diberi dan ianya akan terpakai pada tarikh ulang tahun sijil yang berikutnya. Kadar sumbangan boleh meningkat disebabkan perubahan undang-undang atau peraturan, termasuk percukaian, atau faktor-faktor lain yang tidak dijangka dan bersifat kekal. Faktor-faktor ini termasuk pengalaman tuntutan contohnya disebabkan oleh inflasi kos perubatan.
10. Semua caj Tabarru', sumbangan dan caj-caj lain akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan termasuk Cukai Barang dan Perkhidmatan, dan anda mungkin layak untuk pelepasan cukai, tertakluk kepada keputusan oleh pihak berkuasa cukai Malaysia.
11. Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai takaful berkaitan pelaburan, atau takaful keluarga dan takaful perubatan and kesihatan, sila rujuk kepada risalah *insuranceinfo* tentang 'Takaful Berkaitan Pelaburan' dan 'Takaful Keluarga' dan 'Takaful Perubatan dan Kesihatan', yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan salinannya daripada Wakil Etiqa Takaful atau kunjungi [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

**Etiqua Oneline 1300 13 8888**  
**[www.etiqua.com.my](http://www.etiqua.com.my)**



 [www.facebook.com/etiqua](https://www.facebook.com/etiqua)

**Etiqua Family Takaful Berhad** (266243-D)  
(Dahulu dikenali sebagai Etiqua Takaful Berhad)  
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam  
2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)  
Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof,  
59000 Kuala Lumpur, Malaysia  
T +603 2297 3888 F +603 2297 3800

Diunderait oleh:

**eTiqa**  
Takaful